

BERITA ONLINE  
BERNAMA  
TARIKH: 11 OGOS 2022 (KHAMIS)

**BERNAMA.com**

## Berita-berita ringkas Dewan Negara: 11 Ogos



11/08/2022 02:34 PM

## **MINGGU SAINS NEGARA MENDAPAT SAMBUTAN ORANG RAMAI**

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Minggu Sains Negara (MSN) 2022 yang dianjurkan secara dalam talian setiap bulan bermula April hingga Oktober telah mencapai sasaran penyertaan iaitu seramai 1.5 juta orang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Ahmad Amzad Mohamed berkata beliau menjangkakan MSN 2022 yang bertemakan "Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi" akan disertai oleh lebih dua juta orang menjelang Oktober nanti.

Dalam pada itu, Ahmad Amzad turut memaklumkan pengunjung ke Pusat Sains Negara (PSN) Kuala Lumpur kini boleh membuat pembayaran tiket melalui kaedah tanpa tunai manakala ia akan mula dilaksanakan di PSN Cawangan Wilayah Utara di Kedah bermula 1 Sept.

Beliau kata demikian ketika menjawab soalan oleh Senator Datuk Nicole Wong Siaw Ting dan soalan tambahan Senator N. Balasubramaniam yang masing-masing bertanya berkenaan usaha meningkatkan minat pelajar terhadap sains dan teknologi, dan tindakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi susulan aduan mengenai kaedah pembayaran tiket di PSN, pada sesi soal jawab di Dewan Negara hari ini.

-- BERNAMA